

ORIGINAL ARTICLE

**FENOMENA LGBTQ DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MENINGKATKAN PENGLIBATAN MASA KINI****LGBTQ PHENOMENA AND FACTORS INCREASING INVOLVEMENT TODAY**

**Zaifuddin Md Rasip*¹; Anis Malik Toha ²
Mohd Solleh Ab Razak ³; Siti Aisyah Yap binti Abdullah ⁴**

¹ Faculty of Islamic Studies, University of Malaysia Sabah, Malaysia.

Email: zaifuddin@ums.edu.my

² Faculty of Islamic Management, UNISSA, Brunei Darussalam.

Email: malik.toha@unissa.edu.bn.

³ Faculty of Islamic Studies, University of Malaysia Sabah, Malaysia.

Email: sollehrazak@ums.edu.my

⁴ Faculty of Islamic Studies, University of Malaysia Sabah, Malaysia.

Email: sitiaisyahyap@ums.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/307>

Abstract

The LGBTQ population is growing in size, and this phenomenon is drawing attention from all around the world. They are also growing increasingly outspoken in their demands for legal rights and social acceptance. But along with increased awareness come worries about health problems, especially the rising HIV prevalence in the community. The purpose of this study is to investigate the LGBTQ phenomena utilising a qualitative methodology and library research techniques. This method makes it possible to comprehend the problems this society faces on a deeper level from a variety of angles, including social, psychological, health, and religious ones. The main objective of the study is to identify the factors that drive increased involvement in the LGBTQ community. The study identifies numerous significant aspects through a literature review that includes a variety of perspectives and ideas, including social environment influences, stigma, the search for self-identity, and the need for emotional support. The findings are expected to provide valuable insights for building more effective preventative and support programs for LGBTQ people, assisting them in navigating their recovery process and improving their overall well-being. Understanding these reasons allows us to take proactive actions to change the situation and provide the necessary assistance for those in the LGBTQ community to better their situations and return to their true selves. This study is intended to promote awareness and establish a more inclusive space for conversation in society, as well as to assist future researchers in constructing more appropriate and thorough recovery modules.

Keywords: COMANGO, Gay, HIV, LGBTQ, same-sex marriage

Abstrak

Fenomena LGBTQ semakin mendapat perhatian global, di mana bilangan individu dalam komuniti ini semakin bertambah dari masa ke semasa. Pada masa yang sama mereka semakin lantang dalam menuntut penerimaan sosial serta hak undang-undang. Walaubagaimanapun peningkatan visibiliti ini, turut disertai dengan kebimbangan mengenai isu kesihatan, khususnya dengan peningkatan kadar pengidap HIV yang tinggi dalam kalangan anggota komuniti tersebut. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik fenomena LGBTQ melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu-isu yang dihadapi oleh komuniti ini dari pelbagai sudut pandang, termasuk sosial, psikologi, kesihatan, dan keagamaan. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong peningkatan keterlibatan individu dalam komuniti LGBTQ. Melalui analisis literatur yang meliputi pelbagai pandangan dan teori, kajian ini mengungkapkan beberapa faktor utama, seperti pengaruh persekitaran sosial, stigma, pencarian identiti diri, dan keperluan untuk sokongan emosional. Hasil kajian diharapkan dapat memberikan wawasan yang berguna bagi merangka tindakan pencegahan dan program sokongan yang lebih efektif, membantu individu LGBTQ menjalani proses pemulihan dan meningkatkan kesejahteraan mereka. Dengan memahami faktor-faktor ini, kita dapat mengambil langkah proaktif dalam memperbaiki situasi dan memberikan sokongan yang diperlukan bagi individu dalam komuniti LGBTQ untuk memperbaiki keadaan agar kembali kepada fitrah. Diharapkan kajian ini berperanan dalam mencipta kesedaran dan membuka ruang perbincangan yang lebih inklusif di dalam masyarakat serta membantu pengkaji akan datang membangunkan modul pemulihan yang lebih sesuai dan menyeluruh.

Kata Kunci: COMANGO, Gay, HIV, LGBTQ, Perkahwinan sejenis

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 3rd July 2024, revised 24th August 2024, accepted 18th September 2024

Pengenalan

LGBTQ adalah akronim untuk perkataan berikut: "L" adalah kumpulan lesbian yang terdiri daripada wanita yang mempunyai daya tarikan seksual yang menjurus ke arah wanita walaupun mereka memiliki perwatakan dan fizikal wanita. Manakala "G" adalah kumpulan gay yang terdiri daripada lelaki yang mempunyai perwatakan lelaki secara fizikal tetapi daya tarikan seksualnya tertumpu kepada lelaki. Seterusnya, "B" merujuk kepada kumpulan biseksual, iaitu seseorang yang mempunyai daya tarikan seksual kepada kedua-dua jantina tersebut. Transgender juga dikenali sebagai *transmen* yang bermaksud wanita berpenampilan seperti lelaki, atau *transwomen*, yang bermaksud lelaki berpenampilan seperti wanita (Maisarah & Nur Zainatul, 2020). Q merujuk kepada Queer yang menggambarkan individu yang tidak mengikut orientasi heteroseksual. Istilah ini merangkumi kecenderungan seksual dan personaliti yang kompleks. (Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor 2022).

Sejarah menunjukkan kelompok LGBTQ di Malaysia bermula dengan kelompok Mak Nyah tahun 1980-an (Siti Hajar, 2015). Pada peringkat awal, mak nyah sering mengenakan make-up, pakaian, dan berkelakuan seperti wanita, termasuk menggunakan pil hormon dari kedai runcit Cina untuk membesarkan payudara dan mencantikkan kulit. 76.71% mak nyah mengamalkan pengambilan ubat tersebut pada masa itu. Isu pembedahan pertukaran jantina juga mula timbul bagi memenuhi naluri keperempuanan (Rosdiana, et al., 2018).

Masyarakat Islam di Malaysia khususnya dan di dunia amnya sangat sensitif terhadap LGBTQ yang dianggap bertentangan dengan tuntutan agama dan budaya timur, lantaran ia menyalahi fitrah manusia (Ashgar & Yusuff, 2018). Oleh itu, komuniti LGBTQ sering menerima kecaman hebat di Malaysia dan Indonesia yang majoritinya beragama Islam. Al-Quran telah menjelaskan kehancuran umat nabi Luth lantaran amalan seks songsang yang mereka lakukan. Malangnya ada di kalangan manusia tidak mengambil pengajaran dari kisah ini bahkan ia tetap terus menjadikannya sebagai amalan dalam masyarakat. Larangan Islam terhadap gaya hidup homoseksual menunjukkan bahawa LGBTQ sebenarnya bukan sekadar isu moral, sebaliknya ia mempunyai kaitan langsung dengan amalan agama orang Islam dalam neraca Islam sebagai al-Din. Hal ini demikian kerana al-Quran dan Hadith secara jelas melarang LGBTQ. Oleh yang demikian, sekiranya kumpulan LGBTQ diiktiraf dan perkahwinan sesama jantina dibenarkan, ia akan menimbulkan kekeliruan dalam kehidupan sosial orang Islam. Tambahan lagi, kebanyakan pensyariaan Islam juga berkaitan dengan fitrah ketetapan jantina manusia, seperti farā'id (pembahagian harta pusaka), perkahwinan, nasab atau keturunan, dan aurat (Nor Hafizah, et al., 2016).

Malaysia merupakan antara negara yang mengambil pendirian tegas untuk tidak membenarkan aktiviti yang dikaitkan dengan LGBTQ. Pendirian ini ditegaskan berasaskan Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Islam sebagai agama Persekutuan dan asas rujukan negara. Justeru, undang-undang Malaysia bukan sekadar tidak mengiktiraf LGBTQ, bahkan menganggap ia sebagai satu jenayah bagi individu yang beragama Islam (Izzat, 2018). Oleh itu, undang-undang negara kita berkeupayaan menghalang LGBTQ sekalipun Barat berpandangan ia merupakan penghalang kepada kebebasan mereka. Hal ini dibuktikan oleh Indeks Hak Trans Global yang telah meletakkan Malaysia pada kedudukan kedua dalam senarai negara transgender yang paling teruk disebabkan oleh ketegasan negara terhadap isu LGBTQ (Hidayah, 2023).

Manakala daripada 193 negara anggota PBB, sehingga tahun 2020, hanya 67 negara sahaja yang menganggap tingkah laku sejenis sebagai menyalahi undang-undang (Mendos et al. 2020). Ini menunjukkan sebahagian besar negara anggota PBB menerima LGBTQ. Gerakan LGBTQ yang bergerak atas nama hak asasi manusia sering memanipulasi konsep ini untuk mempertahankan perbuatan mereka. Tindakan ini dilihat sebagai penghinaan terhadap Islam dan perundangan Malaysia, selain mengancam ketenteraman awam. Menurut undang-undang Malaysia, sesiapa yang terlibat dalam hubungan sejenis boleh didakwa di bawah Seksyen 377A-D Kanun Keseksan yang mengharamkan liwat dan hubungan seks luar tabii (Mohamad Yusof et al., 2017).

Sorotan Literatur

Kumpulan LGBT-termasuk lesbian, gay, transgender, dan transeksual- telah menjadi subjek kajian terdahulu. Umumnya, kajian ini melihat perlakuan LGBT sebagai bertentangan dengan fitrah manusia dan norma sosial, dan ia boleh mengganggu keseimbangan sosial dan harmoni masyarakat. Malaysia yang majoriti penduduknya beragama, namun demikian terdapat angka yang membimbangkan, di mana 310,000 individu terlibat dengan gay pada tahun 2018 (Zaifuddin & Zulkifli, 2024). Siti Fatimah (2021) menyatakan bahawa orang yang terlibat dengan LGBTQ tidak hidup sendirian; mereka mempunyai keluarga, seperti adik-beradik atau anak-anak mereka. Kajian Barat menunjukkan bahawa sama ada keluarga menerima atau menolak individu LGBTQ adalah penting untuk kesejahteraan mereka. Panduan tingkah laku telah disediakan oleh Barat untuk ibu bapa yang menghadapi situasi anak LGBTQ. Walau bagaimanapun, persoalan utama ialah bagaimana ibu bapa Muslim akan mengendalikan penemuan ini memandangkan Islam melarang aktiviti LGBTQ. Dengan merujuk kepada saranan keibubapaan dalam al-Quran dan al-Sunnah, kajian ini mendapati bahawa walaupun Islam menolak LGBTQ, ibu bapa masih bertanggungjawab untuk membimbing anak-anak mereka dengan tegas dan penuh kasih sayang.

Istilah transeksualitas biasanya digunakan untuk menggambarkan seseorang yang selama ini mengalami gender bertentangan dengan jantina yang mereka miliki semasa kelahirannya. Golongan inilah yang kerap disebutkan sebagai manusia yang terperangkap dalam tubuh yang salah. Ekspresi transeksualiti biasanya berbentuk tingkah laku, penampilan luar, cara berpakaian dan dandanan, di samping mengambil ubat-ubatan untuk merangsang hormon. Bahkan sampai peringkat melakukan pembedahan untuk mengganti jantina mereka demi memenuhi keinginan menjadi jantina yang dirasa serasi dengan jiwa mereka. Rosdiana, et al. (2018) menegaskan, menurut perspektif Islam, pembedahan untuk mengganti jantina adalah haram. Hal ini berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada tahun 1983.

Menurut Muhammad, Nur Syuhada & Khader (2020), isu LGBTQ di Malaysia semakin mendapat sokongan daripada aktivis sosial, terutamanya disebabkan oleh penyebaran ideologi sekularisme Barat. Ideologi ini secara perlahan-lahan meresap ke masyarakat Malaysia, terutamanya dalam kalangan anak muda. Lebih-lebih lagi, penularan ideologi sekularisme telah membawa perubahan dasar kepada pemikiran dan penerimaan terhadap isu sosial yang sebelum ini merupakan bahan yang sensitif dan sukar penerimaan. Aktivis sosial yang memperjuangkan hak LGBTQ memperjuangkan pemahaman yang lebih luas dan toleran terhadap pelbagai jantina dan orientasi seksual. Mereka menjelaskan bahawa perubahan di dalam masyarakat terhadap isu LGBTQ adalah disebabkan tuntutan globalisasi yang melibatkan pengaruh dan pembentukan sikap dan persepsi golongan muda Malaysia. Fenomena LGBTQ telah berkembang di Malaysia dengan pelbagai tuntutan hak asasi manusia dibuat terutamanya apabila media cetak, elektronik dan digital semakin kerap membincangkan isu ini (Mohamad Yusof et al. 2017).

Kajian Sulaiman et al. (2017), menunjukkan bahawa pelbagai faktor mempengaruhi keterlibatan seseorang dalam gaya hidup LGBTQ. Pengaruh masyarakat, pengalaman seksual, tekanan kerja dan faktor peribadi lain yang mempengaruhi seseorang termasuk dalam kategori ini. Kajian ini menekankan bahawa gabungan elemen ini boleh menyumbang kepada perkembangan tindakan LGBTQ. Dengan melihat kajian terdahulu, dapat disimpulkan bahawa keluarga, persekitaran sosial dan kekurangan penghayatan agama adalah faktor utama yang mempengaruhi gejala LGBTQ. Orientasi dan perlakuan seksual seseorang dipengaruhi secara ketara oleh

keluarga, persekitaran yang tidak menyokong dan tahap pemahaman dan amalan agama yang rendah.

Johari (2018) menyatakan bahawa perjuangan LGBTQ memberi kesan buruk kepada masyarakat dan golongan LGBTQ sendiri. Selalunya, orang dalam golongan ini menghadapi masalah kehilangan identiti dan jati diri mereka sebagai anggota masyarakat yang bermoral dan berkualiti. Kesan buruk ini termasuk masalah mental yang serius dan masalah sosial yang serius. Perasaan terasing daripada norma sosial, ketidakstabilan emosi dan kehilangan identiti adalah antaranya. Keadaan berbahaya ini boleh menyebabkan tekanan mental dan emosi yang berterusan. Pada akhirnya, ini akan menjejaskan kesejahteraan umum dan integrasi sosial golongan LGBTQ dalam masyarakat.

Mahfudzah (2015) memberikan cadangan penyelesaian daripada sudut pandangan penguatkuasaan perlembagaan dan undang-undang negara untuk menangani perlakuan golongan LGBTQ. Terdapat beberapa cadangan yang termasuk mengenakan sekatan undang-undang yang ketat terhadap pembedahan yang bertujuan untuk mengubah jantina. Mereka juga mencadangkan undang-undang kecil yang lebih terperinci dan khusus untuk menangani isu berkaitan LGBTQ. Selain itu, dicadangkan pindaan terhadap undang-undang syariah dan sivil untuk memastikan dasar-dasar ini lebih selaras dengan norma masyarakat dan prinsip moral. Selain itu, Mahfudzah mencadangkan undang-undang jenayah syariah di Malaysia juga berfungsi sebagai pengawal dan pencegah terhadap perlakuan golongan LGBTQ ini termasuk penguatkuasaan undang-undang yang menekankan pencegahan dan hukuman terhadap perbuatan yang dianggap melanggar peraturan agama dan sosial. Tujuan langkah-langkah ini adalah untuk mengukuhkan sistem undang-undang yang menangani isu LGBTQ dan memastikan bahawa undang-undang tersebut dilaksanakan dengan betul dan konsisten.

Namun demikian golongan LGBT semakin agresif dalam usaha mereka untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap cara mereka bertindak. Mereka secara aktif memikirkan dan membangunkan cara untuk mendapatkan pengiktirafan dan hak yang mereka anggap sah. Contoh yang jelas ialah tuntutan dalam Semakan Berkala Sejagat (UPR) 2013 yang dikemukakan oleh Gabungan NGO Hak Asasi Manusia (COMANGO) kepada kerajaan Malaysia. Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memfailkan tuntutan ini di Geneva, Switzerland. Menurut Zainul Rijal (2018), usaha ini menunjukkan keinginan golongan LGBT untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa dan perubahan dalam undang-undang hak asasi manusia di seluruh dunia.

Menurut Azman et al. (2019), golongan LGBT termasuk dalam kategori *al-riqab* kerana mereka mengamalkan gaya hidup yang bertentangan dengan norma dan fitrah kehidupan. Golongan *al-riqab* menghadapi pelbagai masalah sosial dan aqidah, seperti pembuangan bayi, penyalahgunaan dadah, pelacuran, penjualan anak kepada bukan Islam, gaya hidup songsang, kes jenayah juvana, gengsterisme dan penyakit berjangkit seperti AIDS. Oleh itu, objektif kajian beliau adalah untuk menilai program pemulihan LGBT yang dijalankan oleh Bahagian Pemulihan Riqab, MAIS. Kajian ini juga akan membincangkan aktiviti-aktiviti dalam program pemulihan LGBT yang dilaksanakan oleh MAIS, serta menilai keberkesanan pendekatan yang digunakan dalam membantu golongan ini.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini mengaplikasikan pendekatan analisis dokumen secara kualitatif, di mana pelbagai sumber seperti artikel jurnal, buku, dan laporan penyelidikan digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Dengan menilai tema, pola, dan konteks yang berkaitan, pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena yang berlaku dalam kehidupan sebenar. Analisis kualitatif ini memberi tumpuan kepada komponen dan interaksi kontekstual yang penting. Ini membolehkan analisis ini memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang fenomena yang dikaji.

Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif bagi kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Menganalisis peningkatan penyakit HIV dalam kalangan komuniti LGBTQ
- ii. Mengkaji sejauh mana komuniti LGBTQ menuntut hak mereka dan impaknya terhadap perubahan sosial
- iii. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyokong peningkatan komuniti LGBT

Peningkatan Angka LGBTQ

Bilangan individu yang terlibat dengan LGBTQ di Malaysia semakin meningkat ke tahap yang membimbangkan. Menurut Berita Harian Online (Isnin, 29 Oktober 2018), jumlah individu yang dikategorikan sebagai LGBTQ meningkat hampir seratus peratus pada tahun 2017 berbanding lima tahun sebelumnya. Data yang didedahkan menunjukkan peningkatan jumlah daripada 173,000 kepada 310,000 orang pada tahun 2017. Selain itu, bilangan individu transgender turut bertambah daripada 10,000 pada tahun 1988 kepada 30,000 pada tahun 2017. Bagi memastikan lonjakan ini tidak terus berkembang, tindakan serius dan perhatian mendalam perlu diambil oleh semua pihak yang berwajib.

Terdapat peningkatan yang ketara golongan yang terlibat dengan LGBTQ di USA. Sebuah kajian yang dijalankan oleh Byanna Brown, (2023) mendapati bahawa 7% rakyat USA kini mengisytiharkan diri mereka sebagai LGBTQ, berbanding hanya 3.5% pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan yang ketara dalam jumlah orang yang dikenal pasti sebagai LGBTQ dalam tempoh sepuluh tahun. Kajian ini juga mendapati bahawa golongan LGBTQ semakin diterima oleh masyarakat. Pada tahun 2001, 53% rakyat USA berpendapat bahawa perlakuan LGBTQ bertentangan dengan etika dan moral. Walau bagaimanapun, pada tahun 2022, peratusan ini telah berkurangan dengan ketara kepada 25%. Penurunan ini menunjukkan perubahan ke arah perspektif yang lebih positif dan penerimaan sosial yang lebih besar terhadap amalan dan identiti LGBTQ di Amerika.

Peningkatan Perkahwinan Sejenis

Sebanyak 711,100 pasangan gay atau lesbian telah berkahwin pada tahun 2021 sebagaimana laporan kajian yang dijalankan oleh *Statista Research Department* pada 2 Jun 2023. Daripada

jumlah itu, 336,900 merupakan pasangan gay. Selain itu, terdapat 240,700 pasangan gay yang tidak berkahwin. Secara keseluruhannya, masyarakat semakin menerima perkahwinan sesama jenis. Pada tahun 1996, kajian yang sama mendapati hanya 27% responden menyokong perkahwinan sesama jenis. Namun pada tahun 2023, sebanyak 71% responden bersetuju bahawa perkahwinan tersebut perlu diiktiraf secara sah dari sudut undang-undang.

Agama-agama utama dunia seperti Kristian, Islam, Hindu, Buddha, Yahudi dan Zoroastrianisme umumnya menolak perlakuan LGBTQ (Nisa Afrinauly & Neo, 2024). Namun demikian ironinya perkahwinan sesama jenis bukan sahaja diterima oleh ramai masyarakat umum, tetapi juga mendapat sokongan daripada sebahagian agamawan (Zaifuddin, Rozeeda & Khairol 2024). Akibatnya, di USA, upacara perkahwinan gay dan lesbian kini diadakan di gereja-gereja. Pada Jun 2003, Gereja Anglikan melantik biskop gay pertama secara terbuka, dan sejak itu paderi transgender juga diterima dengan meluas. Pada 26 Jun 2015, Mahkamah Agung Amerika Syarikat mengiktiraf perkahwinan sejenis di semua negeri. Gereja Evangelical Lutheran mula membenarkan pasangan gay berkahwin sejak Ogos 2009. Walaupun Gereja Protestant pada mulanya menganggap homoseksual sebagai 'penyakit' dan 'dosa', mereka akhirnya membenarkan pelantikan paderi LGBTQ dan perkahwinan sejenis pada tahun 2021 (Steven, 2022).

Secara kolektif, kelompok Kristian Penyaksian Jehovah (*Jehovah's Witnesses*) bersetuju bahawa hubungan seks songsang harus diharamkan. Mereka berpendapat bahawa Bible dengan jelas menunjukkan bahawa Tuhan merancang seks hanya untuk pasangan berkahwin. Sebagai contoh, ayat-ayat dalam Genesis 1:27, 28; Levitikus 18:22; dan Pengajaran 5:18,19 menunjukkan ketentuan ini. *Jehovah's Witnesses* menolak amalan LGBTQ dan menekankan bahawa adalah penting untuk menghapuskan keinginan seks yang tidak sah, sebagaimana termaktub dalam Bible, Colossians 3:5. Oleh itu, pengawalan pemikiran adalah penting untuk menghalang keinginan LGBTQ dengan mengisi fikiran dengan fikiran yang sihat. Walau bagaimanapun, gereja telah mula menerima dan melangsungkan perkahwinan sesama jenis pada masa ini.

Peningkatan Penyakit HIV

Menurut Marshall et al. (2011), kumpulan LGBT adalah yang paling terdedah kepada HIV di dunia. Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2017 menunjukkan bahawa 1,697 orang yang terlibat dalam seks songsang mengidap HIV; ini mewakili lebih 50% daripada 3,347 kes HIV baharu yang dilaporkan. Melalui perkongsian jarum suntikan, pengamal LGBTQ menghadapi risiko HIV yang jauh lebih tinggi berbanding penagih dadah, dan isu ini lebih serius berbanding ketagihan dadah di Malaysia (Farid Junaidi, 2018). Jumlah pengidap HIV dari kelompok LGBTQ meningkat dengan ketara dari hanya 63 orang pada tahun 2000 kepada 1,697 pada 2017, menunjukkan kebimbangan yang serius. Kebanyakan pengidap dalam lingkungan usia 19 hingga 29 tahun dan terdiri daripada pelajar dan profesional (Azizi, 2018; Wan Roslili, 2018)

Fenomena yang sama juga berlaku di USA di mana jumlah kelompok LGBTQ yang menghidap HIV adalah tinggi. Lebih daripada 754,000 orang, atau 63% daripada 1.2 juta pengidap HIV di negara itu pada 2019 terdiri daripada golongan gay dan biseksual. 70% kes baharu yang dilaporkan juga terdiri daripada demografi ini (Centers for Disease Control and Prevention, 2021). Kelompok LGBTQ masih sangat terdedah kepada jangkitan HIV, walaupun penggunaan kondom terbukti berkesan dalam mengurangkan kadar HIV dalam kalangan mereka, namun demikian fakta

ini tetap menunjukkan bahawa kelompok LGBTQ merupakan antara penyumbang utama penularan HIV.

Gerakan Aktif Komuniti LGBTQ

Kelompok LGBTQ semakin aktif dan lantang menyuarakan tuntutan mereka, sama ada di peringkat antarabangsa mahupun di Malaysia LGBTQ. Pada masa kini, kelompok ini bukan lagi gerakan individu, tetapi telah berkembang menjadi gerakan berkumpulan dan global dengan falsafah tersendiri. Dengan adanya falsafah tersusun, mereka pasti mempunyai agenda besar dalam mengubah masyarakat. Fenomena ini tidak hanya berlaku di negara Malaysia yang menjadikan Islam sebagai agama negara, bahkan juga di seluruh dunia dan melibatkan masyarakat serta agama lain (Zaifuddin, 2020).

Pada tahun 2013, gabungan NGO Hak Asasi Manusia (COMANGO) mengemukakan cadangan kepada kerajaan Malaysia dalam Semakan Berkala Sejangat (UPR) yang dianjurkan oleh Majlis Hak Asasi Manusia PBB di Geneva. COMANGO menuntut Malaysia menerima Hak SOGI (Sexual Orientation & Gender Identity) sebagai hak asasi manusia dan meminda seksyen 377A Kanun Keseksaan yang mengcriminalisasi liwat kerana dianggap tidak relevan. Mereka juga mendesak pemansuhan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di seluruh negeri Malaysia kerana didakwa bertentangan dengan hak kebebasan peribadi (Mohd Izzat et al. 2018). Tuntutan COMANGO bertujuan untuk mengiktiraf perkahwinan sesama jenis, tetapi cadangan ini telah ditolak oleh kerajaan Malaysia dalam dokumen rasmi PBB. Walau bagaimanapun, pada 3 Jun 2018, COMANGO melancarkan laporan pihak berkepentingan UPR yang akan diserahkan pada November 2018. Laporan tersebut menunjukkan bahawa isu kontroversi dari laporan sebelumnya masih wujud (Ernie & Nur Farhana, 2019).

Di Malaysia, kelompok LGBTQ mendapat sokongan dari kumpulan seperti G25, yang memperjuangkan hak asasi manusia. Pada Ogos 2018, wakil komuniti transgender, Nisha Ayub bertemu dengan Menteri Datuk Dr Muzahid Yusof Rawa untuk meminta kerajaan tidak mendiskriminasikan golongan LGBTQ. Seksualiti Merdeka juga mempromosikan hak LGBT melalui program tahunan mereka (Mohd Izzat et al., 2018). Pada 10 Mac 2019, Harian Metro melaporkan lebih 1,000 orang menyertai perhimpunan di sekitar pusat beli-belah Sogo menuntut penghapusan diskriminasi jantina dan keseksamaan gender. Muhaamad Hafis (2023) melaporkan kira-kira 150 peserta terlibat dalam perarakan di Kompleks Sogo dan Dataran Merdeka, dan polis merekod keterangan enam individu untuk membantu siasatan.

Sebelum ini, Berita Harian 18 Jun 2022 telah melaporkan perkumpulan LGBTQ telah dilakukan secara terbuka di Singapura meminta pengiktirafan lebih besar untuk kelompok LGBTQ. Sokongan terhadap hak gay semakin meningkat, dengan penurunan sokongan terhadap larangan seks gay di kalangan rakyat Singapura daripada 55% pada 2018 kepada 44% tahun ini, menurut tinjauan Ipsos. Perhimpunan 'Pink Dot' yang bermula pada 2009 sering menarik ramai orang walaupun mendapat reaksi negatif. Namun demikian, sehingga artikel ini ditulis, Kerajaan Singapura masih mengekalkan peraturan seks sesama jantina adalah menyalahi undang-undang, tetapi tidak akan dikuatkuasakan secara proaktif.

Faktor-Faktor Penglibatan LGBTQ

Fenomena LGBTQ telah mengalami perubahan ketara, termasuk peningkatan jumlah individu yang mengidentifikasi diri sebagai LGBTQ, pengiktirafan perkahwinan sejenis, serta kenaikan dalam kes penyakit HIV. Pada masa yang sama komuniti LGBTQ juga semakin lantang dalam menyuarakan tuntutan mereka. Justeru itu amat penting untuk dikaji dan diteliti faktor-faktor yang menyumbang kepada keterlibatan seseorang dengan LGBTQ.

1. Faktor Semulajadi

Individu yang terlibat dalam komuniti LGBTQ sangat dipengaruhi oleh personaliti mereka. Personaliti seseorang mempengaruhi tingkah laku mereka yang membentuk identiti serta cara mereka berinteraksi dengan orang lain. Ramai yang terlibat dalam komuniti LGBTQ menunjukkan personaliti lembut sejak usia muda, walaupun pada masa itu mereka mungkin tidak tahu atau menganggap diri mereka LGBTQ. Ini menunjukkan bahawa sifat semula jadi seseorang mempengaruhi tindakan dan perkembangan mereka pada masa hadapan. Personaliti, menurut Fadzilah & Moremy (2019) ialah gaya pemikiran, perasaan, dan tindakan yang berbeza yang dimiliki oleh setiap orang dan menunjukkan bagaimana seseorang itu berbeza daripada orang lain. Selain itu, personaliti juga termasuk tingkah laku yang menjadi kebiasaan seseorang dan bagaimana seseorang bertindak dalam pelbagai keadaan secara konsisten.

2. Gangguan Seksual di Institusi Pendidikan

Pengalaman gangguan seksual pada zaman persekolahan merupakan antara faktor yang mempengaruhi penglibatan seseorang dalam komuniti LGBTQ. Ramai yang terlibat dalam kancah LGBTQ ketika berada di alam persekolahan, terutamanya di sekolah berasrama. Pelajar di asrama sering terpisah dari kasih sayang keluarga dan bergantung kepada pelajar senior sebagai abang atau kakak angkat untuk mengatasi kerinduan mereka terhadap keluarga mereka (Mohd Izwan, 2021).

Walau bagaimanapun, ramai yang mengalami gangguan seksual seawal usia remaja, antara dua belas hingga lima belas tahun, apabila mereka masih kanak-kanak dan sukar membezakan sentuhan yang diterima oleh abang atau kakak angkat mereka. Kesihatan mental dan perspektif seseorang tentang hubungan dan identiti seksual mereka boleh terjejas secara ketara dan berterusan oleh gangguan seksual pada usia remaja. Kesan psikologi yang kompleks seperti ketagihan, trauma dan kesukaran untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan identiti seksual mereka sebagai dewasa, sering kali disebabkan oleh pengalaman sedemikian (Zaifuddin, 2020). Selain itu, isu LGBTQ ini telah menggambarkan institusi pendidikan dengan cara yang tidak baik. Seorang pengetua pusat tahfiz telah ditangkap atas tuduhan melakukan jenayah seksual terhadap sembilan pelajar yang dia jaga. Pengetua yang didakwa sebagai pengikut LGBTQ telah melakukan pelbagai pelanggaran termasuk liwat, meraba tubuh mangsa dan melakukan onani pada pelajar (Mohamad Afandi et al. 2019).

3. Pengaruh Media Sosial

Media sosial telah menjadi platform yang luas untuk berkongsi budaya tempatan, maklumat dan pengetahuan dengan khalayak di seluruh dunia. Namun demikian tidak semua maklumat di media sosial mempunyai kesan yang baik, antaranya ialah penyebaran tentang LGBTQ. Menurut Azizan,

Kariya & Jasmi (2019), budaya penyongsangan jantina semakin tersebar melalui media sosial dan menggalakkan penambahan penyokongnya. Sebagai contoh, pada September 2022, akhbar Sinar melaporkan kewujudan sebelas aplikasi janji temu yang memfokuskan kepada hubungan sejenis. Aplikasi telefon kini memainkan peranan penting dalam membantu kelompok LGBTQ mencari pasangan, menyediakan platform yang lebih mudah diakses untuk berinteraksi dan berhubung. Jika tidak dikendalikan dengan betul, penggunaan teknologi tanpa sempadan ini boleh menjejaskan pemikiran dan tingkah laku individu.

Masyarakat Malaysia telah dikejutkan dengan sebuah drama pendek yang dikeluarkan pada 2021 menceritakan kisah percintaan pasangan Gay, dengan pelakon Melayu dan beragama Islam yang di bawah umur. Drama tersebut telah ditayangkan di saluran YouTube dan boleh ditonton oleh sesiapa sahaja tanpa mengira umur, malah ia adalah salah dari segi agama dan norma kehidupan manusia. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa gejala LGBT telah mula menggunakan media sosial sebagai alat untuk menyebarkan pengaruh negatif mereka, kerana sesiapa sahaja boleh mengaksesnya tanpa had (Maisara & Nur Zainatul, 2020). Penggunaan media sosial dan teknologi harus dilakukan dengan bertanggungjawab untuk mengelakkan kesan negatif. Kesedaran dan pendidikan mengenai penggunaan teknologi yang berhemah adalah kunci untuk memastikan bahawa manfaat aplikasi mudah alih ini dapat dinikmati tanpa menjejaskan kesejahteraan individu dan masyarakat secara keseluruhan.

4. Kurang Sokongan daripada Ahli Keluarga

Anak lelaki yang lembut dan feminin sering kali kurang mendapat sokongan daripada ibu bapa dan ahli keluarga mereka. Ibu bapa mungkin tidak mengambil tindakan tegas untuk menanamkan sifat kelakian dalam diri anak mereka. Situasi menjadi lebih teruk apabila anak lelaki itu dibuli dan diejek oleh ahli keluarga atau orang di sekelilingnya, dengan gelaran atau panggilan seperti "lembut" atau "sotong." Gelaran yang diberikan membentuk identiti mereka, dan panggilan ini sering digunakan dalam kehidupan harian mereka. Akibatnya, anak-anak ini terus dibesarkan dengan gelaran yang membuatkan mereka merasa lebih tidak selamat dan tidak berharga. Keadaan ini bukan sahaja menghalang mereka daripada berkembang psikologi mereka, tetapi ia juga boleh meningkatkan kecenderungan LGBTQ yang sudah sedia wujud dalam diri mereka. Mereka yang tidak mendapat sokongan dan pembentukan jati diri daripada ahli keluarga akan boleh merasa terasing sehingga menjadikannya mereka lebih sukar untuk menyelaraskan diri dengan kepercayaan dan norma masyarakat (Muhammad Adam, Nur Syuhada & Khadher, 2020).

5. Kesilapan Pembentukan Ibu Bapa

Menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk membentuk corak kehidupan anak-anak mereka. Ibu bapa kadangkala mempunyai harapan tertentu tentang jantina anak yang dilahirkan. Contohnya ada ibu bapa mengharapkan untuk mendapatkan anak perempuan kerana mereka telah mempunyai anak lelaki sebelum ini, tetapi anak yang dilahirkan adalah lelaki. Namun demikian mereka tetap cenderung untuk membesarkan anak dengan cara yang lebih feminin kerana harapan yang wujud sebelum kelahiran anaknya, seperti mereka membelikan mainan dan pakaian anak perempuan. Anak lelaki yang dibesarkan dengan cara ini mungkin mempunyai kecenderungan yang tidak selaras dengan jantina biologi mereka kerana kesilapan dalam pembentukan sejak awal oleh ibu bapa. Hal ini boleh menyebabkan anak mengalami konflik identiti dan tekanan untuk menyesuaikan diri dengan kehendak keluarga dan masyarakat. Ia juga boleh mempunyai potensi untuk menjejaskan perkembangan seksual dan gender mereka di masa hadapan. Agar anak-anak

dibesarkan dengan identiti yang sebenar maka kesilapan pembentukan seperti ini perlu diberi perhatian dan diperbaiki (Siti Fatimah, 2021).

6. Pengaruh Alam Sekitar

Keterlibatan seseorang ke dalam kelompok LGBTQ sangat dipengaruhi oleh persekitaran mereka. Sebagai contoh, ada lelaki yang sangat selesa bergaul dengan perempuan, baik dalam kalangan ahli keluarga mahupun rakan-rakan kerana kebanyakan rakan sekeliling mereka adalah perempuan. Begitu jugalah sebaliknya. Pengaruh ini kadangkala telah terpupuk sejak kecil lagi, apabila mereka mungkin menggunakan alat solek, memakai pakaian atau aksesori perempuan dan menghabiskan banyak masa dengan perempuan kerana adik-beradik mereka juga perempuan. Begitu jugalah sebaliknya untuk yang perempuan. Akibatnya, mereka dibesarkan dalam keadaan ini sehingga minda mereka akhirnya membentuk kepercayaan bahawa mereka juga perempuan walaupun dilahirkan sebagai lelaki atau merasakan mereka sebagai lelaki walaupun dilahirkan sebagai perempuan (Sulaiman et al. 2017).

7. Keinginan dan Kepuasan Seksual

Keinginan dan kepuasan seksual adalah komponen penting yang mempengaruhi keterlibatan dalam komuniti LGBTQ (Siti Nabilah, Shahlan & Salleh 2021). Individu yang mempunyai keinginan dan hasrat seksual yang tinggi mungkin terjerumus ke dalam hubungan yang dianggap terlarang atau bertentangan dengan norma sosial. Pada mulanya mereka hanya mungkin terlibat dalam gurauan yang melibatkan sentuhan fizikal, seperti menyentuh bahagian tubuh yang sensitif, dengan tujuan untuk membuat orang terhibur atau sekadar bersenda gurau. Walau bagaimanapun, tindakan ini boleh menyebabkan rakan mempunyai perasaan seksual terhadap rakannya, sehingga membawa kepada hubungan seks songsang. Apabila hasrat seksual tidak ditangani dengan baik, ia boleh mendorong seseorang untuk kekal dalam hubungan songsang walaupun ia bertentangan dengan norma atau prinsip peribadi mereka.

Menurut Fadzilah, & Noremy (2019), antara faktor yang menyebabkan seseorang terlibat dengan dengan LGBTQ adalah disebabkan oleh keinginan seksual yang kuat dan orientasi seksual. Hal ini kerana keinginan seksual yang kuat dapat menyebabkan seseorang individu sanggup melakukan apa sahaja demi memenuhi kehendak seksual mereka. Orientasi seksual pula, menentukan keinginan seseorang itu, sama ada mereka cenderung menginginkan gender sejenis, gender yang berlainan atau kedua-duanya.

8. Sokongan Sosial Sudut Material

Faktor penting yang mempengaruhi keterlibatan seseorang dalam komuniti LGBTQ ialah sumber kewangan dan kemewahan hidup. Salah satu faktor utama yang menyebabkan mereka kekal berada dalam komuniti LGBTQ ialah kerana mereka sering mendapat ganjaran material yang mudah dan mewah sebagai ganjaran atas layanan yang mereka berikan kepada pelanggan mereka. Walaupun suntikan hormon dan pembedahan menelan belanja yang mahal, namun kemewahan hidup yang diperoleh daripada sokongan ini menjanjikan keselesaan dan kemudahan yang sukar didapati dalam keadaan normal. Oleh kerana mereka melihat keadaan ini sebagai cara untuk mencapai gaya hidup yang lebih mewah dan memuaskan. Justeru komuniti LGBTQ berasa teruja dan lebih cenderung untuk terus terlibat dalam komuniti mereka. Selain itu, sokongan material ini memberikan mereka keseimbangan kewangan dan keselesaan yang penting dalam kehidupan

mereka, yang meningkatkan komitmen mereka terhadap komuniti LGBTQ (Zaifuddin & Zulkifli, 2024).

Fadzilah, & Noremy (2019) menyatakan bahawa sokongan daripada orang berkedudukan dan warga asing yang kaya adalah penting untuk kehidupan LGBTQ. Mereka boleh menjalani gaya hidup yang berbeza daripada kebanyakan orang kerana bantuan kewangan dan kemewahan hidupnya. Mereka mendapat bantuan kewangan daripada *sugar daddy* yang membolehkan mereka membeli barang mewah dan berbelanja di pusat membeli-belah seperti Pavilion semasa mereka belajar di universiti. Faktor sokongan material dan kewangan merupakan antara faktor seseorang untuk terus berada dalam komuniti LGBTQ.

9. Pengaruh Rakan Sebaya

Pengaruh rakan sebaya adalah faktor penting dalam menentukan moral seseorang, sama ada ke arah positif atau negatif. Kesilapan remaja dalam memilih rakan boleh menyebabkan masalah moral dan tingkah laku yang tidak baik. Biasanya, pengaruh rakan menjadi lebih besar tanpa pengawasan daripada orang dewasa atau keluarga (Nurain Othman & Kamarul Azmi Jasmi, 2023). Rakan sebaya remaja yang menggalakkan dan mengajar gaya hidup LGBTQ meningkatkan kemungkinan mereka menjadi terjebak dengan LGBTQ. Remaja sering dipengaruhi oleh tekanan rakan sebaya dan keinginan untuk diterima. Oleh itu, penting bagi ibu bapa mengajar anak-anak mereka sejak kecil tentang memilih rakan yang sesuai dengan ajaran Islam dan yang baik. Sahabat yang baik boleh mendorong kepada kebaikan melalui nasihat, tunjuk ajar, dan teladan (Abdul Rashid et. al. 2021). Jika seseorang bergaul dengan orang yang tidak baik, mereka mungkin dipandang buruk oleh masyarakat kerana mereka mungkin dipengaruhi oleh mereka untuk menjadi jahat. Remaja gay mungkin dipengaruhi oleh rakan sebaya yang mempunyai kecenderungan yang sama jika mereka terlibat dalam aktiviti haram.

Dalam konteks pelajar universiti, rakan sebaya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pandangan dan tingkah laku terhadap gaya hidup gay. Di asrama universiti, rakan sebilik sering menjadi sumber utama dalam memperkenalkan dan mengajar tentang kehidupan LGBTQ. Pergaulan dengan ramai rakan dalam komuniti LGBTQ membuat seseorang lebih cenderung menyertai aktiviti seperti menghadiri kelab dan sauna yang diajak oleh rakan-rakan tersebut. Hubungan sosial yang rapat dengan komuniti ini memberi rasa diterima dan difahami, yang seterusnya mempengaruhi keputusan dan kecenderungan seseorang untuk terlibat dalam gaya hidup LGBTQ. Oleh itu, penting untuk memilih rakan sebaya yang positif untuk membentuk gaya hidup yang sihat dan seimbang (Azlina & Hashimi, 2018).

10. Putus Cinta, Kecewa dan Kesunyian

Menurut Ramasamy dan Nasrudin (2024), kekecewaan dalam hidup serta kesunyian dalam hidup adalah antara faktor seseorang terlibat dengan LGBTQ. Pengalaman peribadi seperti kehilangan cinta atau ketidakpuasan hati dalam hubungan romantik boleh mempengaruhi kecenderungan seseorang untuk berhubung dengan individu sejenis. Seseorang mungkin mencari hubungan dengan kaum sejenis untuk menjadi penghiburan atau jalan keluar selepas kehilangan cinta atau kekecewaan dalam hubungan. Menurut Amran Hassan dan Noriah Mohamed (2014), kes-kes sebegini masih berlaku dalam masyarakat kita walaupun ia terpendul. Mereka mungkin bermotivasi untuk memuat turun aplikasi pencarian pasangan, seperti aplikasi gay atau lesbian, dalam usaha untuk mencari pasangan baharu kerana mereka mungkin berasa sunyi akibat hubungan yang gagal

atau kekosongan emosi. Komuniti LGBTQ sentiasa peka dan bertindak balas kepada individu yang memudahkan akses kepada aplikasi ini melalui media sosial. Bagi individu yang berusaha mencari pasangan, kemudahan akses kepada aplikasi ini melalui media sosial dan maklum balas cepat daripada komuniti LGBTQ yang sentiasa peka dan responsif menambahkan lagi keparahan situasi ini dan mempercepatkan proses mereka terlibat dalam hubungan berdasarkan identiti seksual yang sama.

11. Kurang Penghayatan Agama

Penghayatan agama adalah penting dalam memandu manusia bertingkah laku baik dan bermoral. Banyak masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat hari ini disebabkan kurangnya penghayatan kepada agama. Malah, agama dan keimanan merupakan benteng yang paling kukuh dalam mengawal hawa nafsu serta mendidik individu untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk. Seseorang yang tidak mempunyai penghayatan agama menjadi salah satu faktor keterlibatannya dalam kancah LGBTQ kerana agama berfungsi sebagai panduan moral untuk tingkah laku dan keputusan mereka. Individu yang tidak memahami ajaran agama mereka mungkin kehilangan prinsip dan nilai yang diperlukan untuk membezakan tingkah laku yang selaras dengan nilai agama dan tingkah laku yang bercanggah dengan nilai tersebut. Jika ajaran agama tidak diamalkan secara konsisten akan membuatkan seseorang kehilangan bimbingan dan kekuatan diri untuk mengawal hawa nafsu mereka dan membuat keputusan yang terbaik. Situasi ini menjadi penyumbang kepada terdedahnya mereka kepada gejala LGBTQ. Jika seseorang tidak mempunyai penghayatan agama yang kukuh, mereka mungkin kurang merasakan pentingnya piawaian moral yang diajar oleh agama mereka. Hal ini menyebabkan mereka lebih mudah dipengaruhi oleh persekitaran atau hubungan sosial yang menyokong gaya hidup LGBTQ (Nurain & Kamarul Azmi, 2023).

Kesimpulan

Artikel ini telah membincangkan fenomena LGBTQ yang membimbangkan serta faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan keterlibatan dalam komuniti ini. Dengan fokus utama pada peningkatan angka LGBTQ, peningkatan perkahwinan sejenis, peningkatan penyakit HIV, serta komuniti LGBTQ yang semakin lantang bersuara, masyarakat akan dapat memahami kerumitan isu ini dengan lebih mendalam.

Peningkatan angka LGBTQ mencerminkan perubahan sosial dan budaya dalam masyarakat, dengan statistik menunjukkan lebih ramai individu mengidentifikasi diri sebagai LGBTQ dan berlakunya pengiktirafan perkahwinan sejenis. Namun, cabaran serius seperti peningkatan penyakit HIV dalam komuniti ini memerlukan perhatian khusus. Komuniti LGBTQ yang semakin lantang mendesak pengiktirafan dan hak yang sama memerlukan pihak berkuasa dan masyarakat untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mencegah dan menghalang penularan komuniti ini.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada keterlibatan dalam komuniti LGBTQ begitu kompleks, termasuk faktor semulajadi, pengaruh alam sekitar dan media sosial. Faktor tersebut juga disumbangkan apabila kurangnya sokongan keluarga dan kesilapan ibubapa dalam pembentukan anak-anak. Keinginan seksual, sokongan sosial, serta faktor emosional seperti putus cinta dan kesunyian turut mempengaruhi keterlibatan dalam komuniti ini. Demikian juga,

kurangnya penghayatan agama turut menjadi penyumbang kepada fenomena ini. Secara keseluruhannya, fenomena LGBTQ berpunca daripada gabungan faktor semulajadi, sosial, dan budaya yang memerlukan pendekatan holistik dalam menangani isu ini dengan meningkatkan kesedaran, pendidikan, sokongan sosial dan perlindungan kesihatan.

Untuk kajian akan datang, disarankan agar kajian longitudinal dilakukan untuk memantau perubahan identiti dan keterlibatan LGBTQ dari semasa ke semasa. Selain itu, kajian perbandingan antarabangsa boleh memberikan wawasan tentang perbezaan faktor yang mempengaruhi fenomena ini di pelbagai negara. Pendekatan kualitatif juga perlu diterokai untuk mendapatkan pandangan mendalam mengenai pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh individu dalam komuniti LGBTQ.

Konflik Kepentingan

Pengkaji tidak memiliki sebarang konflik kepentingan terhadap artikel ini.

Rujukan:

- Abdul Rashid, A.A. et. al., (2021). Pengukuhan orientasi seksual terhadap sesama jenis (Gay) dalam kalangan remaja lelaki: Implikasi terhadap keluarga dan rakan sebaya, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(5), 12-21. doi: 10.47405/mjssh.v6i5.795
- Amran, H. & Noriah, M. (2014). Alternatif keagamaan dan kaunseling; Sebagai rawatan utama mengatasi permasalahan homoseksualiti, *Journal of Human Development and Communication*, 3, 79-92.
- Ashgar, A.A.M. & Yusuff, J.A. (2018), LGBT: An evaluation of shariah provisions and the laws of Malaysia and Nigeria, *GJAT*, 8(1), 15-29. <http://www.gjat.my/gjat062018/GJAT062018-2.pdf>
- Azizan, A., Kariya, M. A. & Jasmi, K. A. (2019). Media sosial dan penyebaran budaya transeksual menurut Islam, Pro-siding Seminar Sains Teknologi dan Manusia. Anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, 297-312. https://eprints.utm.my/85128/1/19%20ArifAzizi_MediaSosial%26TranseksualdalamPandanganIslam.297-312.pdf
- Azizi, A. (2018). Peranan doktor tangani seks songsang LGBT, banteras HIV, *BH Online*, Jumaat 24/8/2018. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/465401/peranan-doktor-tangani-seks-songsang-lgbt-banteras-hiv>
- Azlina M. K. & Hashimi Rafsanjani, C.W. (2018). Faktor keterlibatan belia dalam isu gay di Kuala Lumpur. *Malaysian Journal Youth Studies*, 18, 145-159. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/72732/>
- Azman A.R., Nor Fatimah, A.A.G., Mohammad Anwar, Z. & Mursyid Junaidi, M.F.Y. (2019) Program Pemulihan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT): Bahagian Pemulihan Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, 6(2), 26-34. <https://perdanajournal.com/index.php/perdanajournal/article/view/55>
- Berita Harian, <https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2022/06/967456/ribuan-sertaihimpunan-hak-golongan-gay-di-singapura>

- Byanna, B. (2023). 5 key finding about LGBTQ + Americans, Pew Research Center, [pewresearch.org. https://www.pewresearch.org/short-reads/2023/06/23/5-key-findings-about-lgbtq-americans/](https://www.pewresearch.org/short-reads/2023/06/23/5-key-findings-about-lgbtq-americans/)
- Centers for Disease Control and Prevention (CDC) (2021). HIV Surveillance Report, 2019; vol. 32. <http://www.cdc.gov/hiv/library/reports/hiv-surveillance.html>
- Earnie, E.H., Kamaruddin, S., & Nur Farhana A.R. (2019). Isu-isu pluralisme agama dalam tuntutan Comango: Satu analisis terhadap Laporan 2013 dan 2018, *International Journal of Islamic Thought*, 15, 35-43. <http://www.ukm.my/ijit/volume-15-june-2019/>
- Fadzilah, A. & Noremy, M. A. (2019). LGBT dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi awam. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4), 1-11. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/286>
- Farid, J. (2018). LGBT paling ramai hidap HIV, *Lihat Utusan Online*, 2/8/2018. (Link Facebook Utusan Malaysia: <https://rb.gy/tkjq3>)
- Gejala LGBT diMalaysia Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor (2022). Queer: Apa yang patut dijaui. <https://mais.gov.my/artikel-dakwah/queer-apa-yang-patut-diketahui-dan-dijauhi/>
- Hidayah, S. (2023). Hak LGBTQ: Kedudukan dalam Indeks Trans Global buktikan Malaysia tegakkan undang-undang. *The Merdeka Time*, 16 Jun 2023. <https://themerdekaitimes.com/news/2023/06/hak-lgbtq-kedudukan-dalam-indeks-trans-global-buktikan-malaysia-tegakkan-undang-undang/>
- https://www.researchgate.net/publication/328410877_Alternatif_Keagamaan_Dan_Kaunseling_-_Sebagai_Rawatan_Utama_Mengatasi_Permasalahan_Homoseksualiti
- Jehovah's Witnesses, What Does the Bible Say About Homosexuality? <https://www.jw.org/en/bible-teachings/questions/bible-about-homosexuality/>
- Johari, Y. (2018). Bahaya Ancaman LGBT. *Sinar Harian*, 24 Julai 2018.
- Mahfudzah, M. (2015). Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*. 19:29-36. <http://ejournal.ukm.my/juum>
- Maisarah, M., & Nur Zainatul, N.Z. (2020). Fenomena LGBT di Malaysia: Analisis faktor dan Kaedah pemulihan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 136-147. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.3.701>
- Marshall B. D. L., Wood E., Shoveller J. A., Patterson T. L., Montaner J. S. G., Kerr T. (2011). Pathways to HIV risk and vulnerability among lesbian, gay, bisexual, and transgendered methamphetamine users: a multi-cohort gender-based analysis. *BMC Public Health* 11(20), 1-10. doi: 10.1186/1471-2458-11-20
- Mendos L.R., Botha K., Lelis R.C., ELDI Peña, Savelev I, Tan D. (2020). Global legislation overview update. Geneva: ILGA World.
- Mohamad Afandi, M.I., & Mohd Sabree, N. (2019). Gejala LGBT di Malaysia: Isu dan Cadangan Penyelesaian. *Journal and Law & Govenance*, 2(1), 51-65. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JLG/article/view/595>
- Mohamad Yusof, H. et. al., (2017), Kajian Perbandingan Pemaparan Berita LGBT dalam Akhbar Cetak dan Portal Berita, *Jurnal Forum Komunikasi*, 12(2), 59-74. <https://forumkomunikasi.uitm.edu.my/images/FK2017Vol12No2/FK2017-chapt-4.pdf>
- Mohd Izwan, M.Y. (2021). Menelusuri Fitrah Insani, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <https://perpustakaan.islam.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=42543>
- Mohd Izzat, A.M.A., Muhammad Syahlan, S., Hisham, H., & Fareed M.H. (2018). Salah laku Lgbt dalam perundangan Malaysia: Undang-undang sebagai mekanisme pembanterasan

- dan kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 13(1), 19-34. <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/4741>
- Muhaamad Hafis, N. (2023), Polis siasat peserta perhimpunan hadapan Sogo, Dataran Merdeka, *Harian Metro*, 14 Mac 2023. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/944950/polis-siasat-pesertaperhimpunan-hadapan-sogo-dataran-merdeka>
- Muhammad Adam, Nur Syuhada, M.S. & Khader, A. (2020). Mak Nyah dan perkembangannya di Malaysia, *RABBANICA*, 1(1), 18-34. Retrieved from <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/6>
- Nisa Afrinauly, N. & Neo, F. (2024), Historical approach in LGBT behavior: Ibrah the story of Prophet Luth in the Quran against the LGBT phenomenon”, *al-Afkar, Journal For Islamic Studies*, 7(1), 676–687. doi: 10.31943/afkarjournal.v7i1.873
- Nor Hafizah et. al. (2016). Metodologi dakwah terhadap golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam*, (9), 103-119. https://www.researchgate.net/publication/340574802_Metodologi_Dakwah_Terhadap_Golongan_Lesbian_GAY_Biseksual_Dan_Transgender_LGBT
- Nurain, O.J. & Kamarul Azmi, J. (2023). Gejala LGBT di Malaysia. *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan*, 5(1), 97-108. <https://www.researchgate.net/publication/372104763>
- Ramasamy, S.R & Nasrudin Subhi. (2024). Hubungan stres minoriti dengan kesunyian dalam kalangan LGBT dewasa di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(2), 1-14. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/582>
- Rosdiana, O., Ros Aiza, M.M., Abd Halim, M. (2018). Fatwa pembedahan pertukaran jantina di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 49-61. <https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/734c5cb7-c6f1-4c77-8770-93380546469c/content>
- Siti Fatimah A.R. (2021). Menangani anak-anak LGBTQ: Satu garis panduan untuk keluarga Muslim. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(3), 93-104. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/16071>
- Siti Nabilah, Z., Shahlan, S., & Salleh, A. (2021). Hubungan antara pengetahuan dan sikap terhadap homoseksual dalam kalangan pelajar sekolah agama, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 123 - 134. doi: 10.47405/mjssh. v6i2.671.
- Statista Research Department. (2023) <https://www.statista.com/statistics/325106/total-number-of-same-sex-households-in-the-us/>
- Steven, I. (2022). Gay Wedding in Church. <https://wedmatch.com/blogs/gay-weddings-in-church>
- Tham, T.N. et. el. (2023). Scholarly literature in HIV-related lesbian, gay, bisexual, and transgender studies: A bibliometric analysis, *Frontiers in Psychology*, 1-11. <https://dx.doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1028771>
- Wan Roslili, A.M. (2018). Bahaya iktiraf hak LGBT, *Utusan Online*, 20/1/2018. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2018/01/22/bahaya-iktiraf-hak-lgbt/>
- Zaifuddin, M.R. & Zulkifli, A. (2024). Masalah LGBTQ dan keruntuhan sistem kekeluargaan, dalam Amir Hudhaifah Hamzah et. al. (2024), *Keluarga di Malaysia Mendepani Cabaran Modenisasi*, Kota Kinabalu, UMS Press, 199-225.
- Zaifuddin, M.R. (2020). *Perbandingan Agama Islam dan Kristian*. Selangor: Telaga Biru.
- Zaifuddin, M.R. Rozeeda, K. & Khairol Ikhwan. (2024). *Fenomena LGBTQ dalam perspektif agama*. dalam Adi Fahrudin, et.al. (2024), *Masalah Sosial Konsep dan Perspektif*, Yogyakarta: Idea Press.

Zainul Rijal, A.B. (2018). LGBT Di Sisi Undang-Undang Negara.
<http://www.ibnuhasyim.com/2018/05/lgbt-di-sisi-undang-undang-negara-datuk.html>